

Inche Kamarudin.

Fail #31/7.

Jan 10.00 pagi.

Ucapan: AD40

544

163/80

UCHAPAN Y.B. MENTERI PELAJARAN, INCHE  
HUSSEIN ONN DI-UPACHARA PEMBUKAAN  
KURSUS GURU2 UGAMA BERIJAZAH AZHAR DI-  
MAKTAB PERGURUAN BAHASA PADA 27HB JULAI,  
1972.

*Assalamu mualaiikum waramatullah - - - - .*

YANG MULIA TUAN2, PUAN2 SERTA GURU2 SEKALIAN.

TERLEBEH DAHULU SAYA MENGUCHAPKAN TERIMA  
KASEH KAPADA PEHAK LATEHAN GURU, YANG MENGUNDANG  
SAYA, UNTUK MERASMIKAN PEMBUKAAN KURSUS BAGI GURU2  
SEKALIAN IA-ITU (PENGAJARAN) SEBAGI BAHASA  
UGAMA YANG BERIJAZAH UNIVERSITI AZHAR/KAHERAH DAN  
DEMASCUS.

2. SAYA SUKACHITA MENGAMBIL PELUANG INI  
UNTOK BERKENALAN DENGAN GURU2 SEKALIAN, SEMOGA  
DENGAN PERKENALAN ITU, DAPAT MENJALIN KERJASAMA  
YANG LEBEH RAPAT DAN JUJOR DI-ANTARA KEMENTERIAN  
PELAJARAN DAN GURU2 SEKALIAN DALAM TUGAS KITA  
MENGEMBANGKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM.

3. 960 YAN SEBAGAIMANA YANG TUAN2 DAN PUAN2  
SEDIA MAALUM, ~~BAHAWA~~ PENDIDEKAN YANG MULA2 DI-  
TERIMA OLEH ORANG2 MELAYU IALAH PENDIDEKAN ISLAM,  
DAN SEKOLAH YANG MULA2 DI-DIRIKAN DI-NEGERI INI  
IALAH SEKOLAH QURAN, TETAPI PERKEMBANGAN PELAJARAN  
UGAMA TIDAK BERJALAN SA-BEGITU LANCHAR SEBAGAIMANA  
YANG DI-HARAPKAN OLEH SEBAB2 YANG KITA KETAHUI  
*pada masa itu negara kita adalah di bawah*  
SEKALIAN IA-ITU ~~PENJAJAHAN~~. SEBAIK2 SAHAJA *pemerintahan*  
PENJAJAHAN BERAKHIR DARIPADA NEGARA KITA, PEMIMPIN2-  
*KITA*  
~~NYA~~ TELAH MEMBERI PERHATIAN KAPADA PELAJARAN UGAMA  
ISLAM. BEBERAPA LANGKAH TELAH DI-AMBIL UNTUK  
MENINGGIKAN TARAF PELAJARAN UGAMA ISLAM. LANGKAH  
PERTAMA DI-MULAKAN OLEH PENYATA RAZAK YANG  
MENGESHORKAN SUPAYA PELAJARAN UGAMA DI-BERIKAN  
KAPADA MURID2 BERUGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2 BANTUAN  
KERAJAAN JIKA SEKOLAH2 ITU MEMPUNYAI 15 ORANG  
ATAU LEBEH MURID2 BERUGAMA ISLAM. KEMUDIAN DI-  
SUSUL DENGAN PENYATA ABDUL RAHMAN TALIB PADA TAHUN

1960 YANG MENGESHORKAN SUPAYA PERBELANJAAN  
PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-PERINGKAT RENDAH DI-  
TANGGONG SAMA BANYAK DI-ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
DENGAN KERAJAAN NEGERI YANG BERKENAAN, SEMENTARA  
PERBELANJAAN DI-SEKOLAH MENENGAH DI-TANGGONG  
SAPENOH-NYA OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN SAHAJA,  
TEGAS-NYA KEMENTERIAN PELAJARAN. BERIKUTAN DENGAN  
KEDUA2 PENYATA TERSEBUT, UNDANG2 PELAJARAN ~~PADA~~  
TAHUN 1961, TELAH MENGADAKAN PERUNTOKAN ~~UNDANG2~~  
YANG MEWAJIBKAN KA-ATAS KERAJAAN MENGADAKAN  
PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN  
DAN MENANGGONG PERBELANJAAN MENGADAKAN PELAJARAN  
ITU.

4. APABILA UNDANG2 ITU DI-LAKSANAKAN,  
MAKA KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MELANTEK GURU2  
UGAMA BERTUGAS DI-SEKOLAH2 MENENGAH BANTUAN  
KERAJAAN. KELULUSAN YANG SATINGGI2-NYA BOLEH

DI-DAPATI PADA WAKTU ITU, IALAH KELULUSAN SIJIL BULAN OGOS, 1968 SELAMA 10 MINGGU. PADA HARI TERTINGGI KOLEJ ISLAM MALAYA, DAN SERENDAH2-NYA INI, KEMENTERIAN MENGADAKAN LAST KURSUS KALI IALAH LULUS TINGKATAN IV THANAWI DARIPADA YANG KEDUA KAPADA GURU2 UGAMA YANG BERKELULUSAN SEKOLAH2 MENENGAH UGAMA YANG DI-AKUI.

5. KEMENTERIAN SEDAR BAHAWA, RAMAI DARI-PADA GURU2 YANG DI-LANTEK ITU, TIDAK MEMPUNYAI LATEHAN PERGURUAN, SEDANGKAN LATEHAN PERGURUAN ADA-LAH SANGAT PENTING DI-BIDANG PENDIDEKAN. OLEH ITU, MULAI TAHUN 1964, KEMENTERIAN MENGADAKAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN GURU2 UGAMA SEKOLAH MENENGAH, BAGI GURU2 YANG BERKELULUSAN TINGKATAN IV THANAWI SAHAJA. KURSUS <sup>itu</sup> ~~MEREKA~~ BERJALAN SELAMA 30 MINGGU DALAM MASA TIGA TAHUN, DAN BERAKHIR PADA BULAN APRIL, 1967. BAGI GURU2 UGAMA YANG BERIJAZAH UNIVERSITI AZHAR DAN KOLEJ ISLAM MALAYA, KURSUS UNTUK MEREKA DI-ADAKAN OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN MULAI BULAN APRIL TAHUN 1967, DAN BERAKHIR PADA

BULAN OGOS, 1968 SELAMA 10 MINGGU. PADA HARI  
INI, KEMENTERIAN MENGADAKAN LAGI KURSUS KALI  
YANG KEDUA KEPADA GURU2 UGAMA YANG BERKELULUSAN  
SAPERTI ITU.

7. KURSUS TUAN2 DI-MULAI PADA CHUTI  
PERSEKOLAHAN PENGGAL YANG KEDUA INI SELAMA 2  
6. TUJUAN MENGADAKAN KURSUS INI, ADA-  
LAH UNTUK MENINGGIKAN MUTU PENGAJARAN UGAMA ISLAM  
DI-SEKOLAH2 MENENGAH BANTUAN KERAJAAN, DAN  
MENAMBAHKAN KECEKAPAN GURU DI-BIDANG PENYAMPAIAN  
PELAJARAN, SERTA MENYELARASKAN CHARA2 PENYAMPAIAN-  
NYA. OLEH ITU, DALAM KURSUS INI, TUAN2 AKAN  
MEMPELAJARI MATA<sup>2</sup>PELAJARAN<sup>2</sup> BAHASA DAN KESUSASTRAAN  
MELAYU, PENDIDEKAN JASMANI, KAEDAH MENGAJAR  
UGAMA SERTA BAHASA ARAB, DAN ILMU PENDIDEKAN YANG  
MENGANDONGI FALSAFAH-NYA, SAIKOLOJI, ILMU  
KEMASHARAKATAN DAN AMALAN PENDIDEKAN. SEMUA  
MATA2 PELAJARAN INI AMAT-LAH MUSTAHAK, BAGI SA-  
SAORANG GURU UNTUK MELAYAKKAN DIRI-NYA MENJADI

GURU YANG BENAR2 CHEKAP DALAM BIDANG PEKERJAAN-  
NYA.

7. KURSUS TUAN2 DI-MULAI PADA CHUTI  
PERSEKOLAHAN PENGGAL YANG KEDUA INI SELAMA 2  
MINGGU, DAN AKAN DI-ADAKAN BERTURUT2 PADA TIAP2  
CHUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN SAHINGGA BERAKHIR PADA  
CHUTI PENGGAL YANG KEDUA PERSEKOLAHAN PADA TAHUN  
1973. DENGAN DEMIKIAN, TUAN2 AKAN MENGAMBIL  
MASA BERKURSUS SELAMA 11 MINGGU SAHAJA. PADA  
PENGGAL YANG TERAKHIR, KURSUS INI AKAN DI-IKUTI  
DENGAN UJIAN TERAKHIR, MENGENAI TEORI DAN PRAKTIKAL  
UNTOK MENENTUKAN KELULUSAN TUAN2 DAN PUAN2. MANA  
GURU2 YANG LULUS DALAM KURSUS INI, AKAN DI-TERIMA  
MENJADI GURU UGAMA TETAP DI-BAWAH KEMENTERIAN  
PELAJARAN. ~~JIKA IA BERJAYA DALAM SATU TEMUDUGA YANG  
DI-JALANKAN OLEH SUROHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM~~

PELAJARAN ADA-LAH SENTIASA MENGAMBIL BEBAT  
MALAYSIA KERANA PERLANTEKAN GURU KA-DALAM  
TERHADAP KEMAJUAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2  
PERJAWATAN GURU YANG TETAP MENGIKUT PEKELILINGAN  
BANTUAN KERAJAAN. SATENGAH ORANG RAMAI SALAH  
PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1971, ADALAH DI-BUAT  
AMBIL PENGERTIAN MENGENAI PENGASAN DALAM SA-  
OLEH SUROHANJAYA ITU. ADA SA-GULONGAN GURU2  
TENGGAH2 UCHAPAN SAYA. WETIKA SAYA MENEGASKAN  
YANG BERIJAZAH SAPERTI TUAN2, YANG SEDANG BER-  
BAHANA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL BEBAT  
KHIDMAT DI-SEKOLAH2 MENENGAH UGAMA DI-NEGERI2,  
MENGENAI PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOJI, SATENGAH  
MEMOHON SUPAYA MEREKA DI-BERI KURSUS DALAM  
ORANG RAMAI MENGAMBIL PENGERTIAN BAH *Ditukruchita*  
PERKHIDMATAN SAPERTI TUAN2 SEKALIAN. / KEMENTERIAN  
MENGABATKAN PELAJARAN UGAMA. BEGITU-LAH SEBALEK-  
TIDAK DAPAT BERBUAT APA2 KA-ATAS PERMOHONAN GURU2  
NYA, PADA HAL YANG SABENAR-NYA, KEMENTERIAN MENGAMBIL  
INI, KERANA MEREKA BUKAN-LAH DI-BAWAH TANGGONG-  
BERAT MENGENAI SEMUA MATAPELAJARAN YANG DI-BAWAH  
JAWAB KEMENTERIAN PELAJARAN, MALAH DI-BAWAH PEN-  
TANGGONG JAWAB KEMENTERIAN PELAJARAN DAN YANG ADA  
TADBIRAN KERAJAAN NEGERI ATAU MAJLIS UGAMA ISLAM  
DI-SEKOLAH2 BANTUAN KERAJAAN, SAMA-ADA SAINS, ILMU  
MASING2. WALAU BAGAIMANA PUN, KEMENTERIAN SEDANG  
HISAB, BAHASA *bersungguh<sup>2</sup>*, PELAJARAN UGAMA ISLAM  
MENGKAJI DENGAN ~~SERIOUS~~ BAGAIMANA CHARA2 YANG  
DAN LAIN2 MATAPELAJARAN, KERANA PELAJARAN SAINS  
BOLEH MEMBERI KAPADA MEREKA, KURSUS YANG DI-  
DAN TEKNOLOJI DAPAT MENOLONG KITA MENGUBAH  
KEHENDAKI ITU.

---

---

8. BERBALEK SAMULA KAPADA PELAJARAN  
UGAMA ISLAM, SAYA SUKA MENEGASKAN BAHAWA KEMENTERIAN

PELAJARAN ADA-LAH SENTIASA MENGAMBIL BERAT TERHADAP KEMAJUAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2 BANTUAN KERAJAAN. SATENGAH ORANG RAMAI SALAH AMBIL PENGERTIAN MENGENAI PENEGASAN DALAM SATENGAH2 UCHAPAN SAYA. KETIKA SAYA MENEGASKAN BAHAWA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL BERAT MENGENAI PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOJI, SATENGAH ORANG RAMAI MENGAMBIL PENGERTIAN BAHAWA KEMENTERIAN MENGABAIKAN PELAJARAN UGAMA. BEGITU-LAH SEBALEK-NYA, PADA HAL YANG SABENAR-NYA, KEMENTERIAN MENGAMBIL BERAT MENGENAI SEMUA MATA<sup>2</sup>PELAJARAN<sup>2</sup> YANG DI-BAWAH TANGGONG JAWAB ~~KEMENTERIAN PELAJARAN~~ <sup>- nya</sup> DAN YANG ADA DI-SEKOLAH2 BANTUAN KERAJAAN, SAMA-ADA SAINS, ILMU HISAB, BAHASA INGGERIS ATAU PELAJARAN UGAMA ISLAM DAN LAIN2 MATA<sup>2</sup>PELAJARAN<sup>2</sup>, KERANA PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOJI DAPAT MENOLONG KITA MENGUBAH KEHIDUPAN KITA, DARIPADA KEADAAN MUNDOR KAPADA KEADAAN YANG MAJU, DAN DARIPADA SIKAP BERGANTONG KAPADA ORANG LAIN KAPADA SIKAP BERDIKARI, BEGITU

JUGA PELAJARAN UGAMA ISLAM TIDAK KURANG PENTING-NYA DALAM MEMBIMBING MORAL RAAYAT NEGERI INI, TERUTAMA-NYA ORANG2 ISLAM SENDIRI, DENGAN MEMBERI PANDUAN KAPADA MEREKA UNTOK MENGUSAHA CHARA2 HIDUP YANG LEBEH MAJU DAN BAHAGIA. SAYA SENTIASA MENGIKUTI SHOR2, PANDANGAN2, BEGITU JUGA TEGORAN2, YANG DI-SUARAKAN DARI PERTUBOHAN2 ORANG RAMAI, JUGA SURAT2 KHABAR, YANG MEMANDANG BERAT KAPADA KEMAJUAN PELAJARAN UGAMA ISLAM. SEGALA SHOR2 DAN PANDANGAN2 MEREKA ITU, ADA-LAH DI-KAJI OLEH PEGAWAI2 KEMENTERIAN PELAJARAN. MANA2 SHOR DAN PANDANGAN2 YANG BAIK, MEMBENA DAN PRAKTIKAL, TELAH DI-AMBIL LANGKAH2 UNTOK MENJAYAKAN-NYA.

9. SEBAGAIMANA YANG TUAN2 SEDIA MAALUM, BAHAWA SABELUM TAHUN 1962, PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2 BANTUAN KERAJAAN, HANYA DI-ADAKAN PADA PERINGKAT RENDAH SAHAJA, SECHARA BERASINGAN PULA DARIPADA KURSUS PELAJARAN YANG LAIN. MULAI DARIPADA

TAHUN 1962, PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-ADAKAN HINGGA KA-PERINGKAT MENENGAH, SAMA-ADA DI-SEKOLAH2 KEBANGSAAN ATAU JENIS KEBANGSAAN. DARI SEMENJAK ITU HINGGA TAHUN 1971, KEMENTERIAN TELAH MENANGGONG PERBELANJAAN KERANA MELAKSANAKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2 BANTUAN PENOH KERAJAAN, SEBANYAK \$52 JUTA LEBEH, DAN PADA TAHUN 1972 INI, KEMENTERIAN PELAJARAN MENGUNTOKKAN \$10 JUTA LEBEH UNTUK PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2 ITU. SELANJUT-NYA, PELAJARAN UGAMA ISLAM TIDAK TERHENTI SEKADAR DI-PERINGKAT MENENGAH, MALAH DI-ADAKAN HINGGA PERINGKAT SIJIL PERSEKOLAHAN TINGGI, TETAPI PELAJARAN PENGAJIAN ISLAM (ISLAMIC STUDY) DI-SIJIL PERSEKOLAHAN TINGGI ITU, TIDAK MEMENOHI KEPERLUAN KITA, KERANA PENGAJIAN-NYA TERHAD KAPADA KEBUDAYAAN ISLAM, SEJARAH ISLAM DAN BAHASA ARAB KELASIK SAHAJA. INI DI-SEBABKAN PEPEREKSAAN ITU DI-SELENGGARAKAN OLEH PEHAK CAMBRIDGE, BERDASARKAN SUKATAN PELAJARAN YANG DI-SUSUN OLEH PEHAK ITU. SUKATAN INI DI-BUAT,

BUKAN UNTUK CHALUN2 DARIPADA MALAYSIA SAHAJA,  
BAHKAN JUGA UNTUK CHALUN2 DARIPADA NEGERI2 YANG  
LAIN SAPERTI NEGERI2 DI-BENUA AFRIKA. KEADAAN  
SERUPA INI ADA-LAH TIDAK SESUAI BAGI NEGERI KITA.  
~~MALAYSIA~~. OLEH ITU, APABILA TUGAS PEPEREKSAAN  
AKAN DI-AMBIL ALIH OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN,  
DAN DI-SELENGGARAKAN OLEH LEMBAGA PEPEREKSAAN,  
MAKA KITA BERSETUJU MENUKARKAN SUKATAN PELAJARAN  
PENGAJIAN ISLAM DI-PERINGKAT SIJIL PERSEKOLAHAN  
TINGGI DARIPADA SUKATAN-NYA YANG LAMA DENGAN  
SUKATAN YANG BARU, IA-ITU PENGAJIAN MATA PELAJARAN  
SHA'RIAH, USULUDDIN DAN BAHASA ARAB, BERDASARKAN  
SUKATAN PELAJARAN YANG DI-SUSUN OLEH KEMENTERIAN  
PELAJARAN SENDIRI, DAN DI-PERSETUJUI OLEH MAJLIS  
RAJA2 MELAYU.

11. DENGAN DEMIKIAN, PENGAJIAN TERSEBUT  
10. INI ADA-LAH SEJAJAR DENGAN KEPUTUSAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN, UNTUK MEMBERI NILAI KAPADA

PELAJARAN UGAMA ISLAM. PADA MASA YANG LALU, KELULUSAN YANG BAIK DALAM MATA PELAJARAN UGAMA ISLAM PADA PERINGKAT SPM/MCE, TIDAK DI-KIRA *sebagai* AGREGATE UNTUK NAIK KA-TINGKATAN VI, KERANA PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-PERINGKAT SPM, TIDAK ADA HUBONGAN DENGAN PENGAJIAN ISLAM DI-PERINGKAT SIJIL PERSEKOLAHAN TINGGI, TETAPI CHARA ITU AKAN BERUBAH. KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH BERSETUJU, BAHAWA MULAI TAHUN 1972, CHALUN2 YANG MENDAPAT KELULUSAN YANG BAIK DALAM PENGETAHUAN UGAMA ISLAM PADA PERINGKAT SPM, AKAN DI-KIRA *sebagai* AGREGATE UNTUK NAIK KA-TINGKATAN VI, DI-MANA MEREKA AKAN BERPELUANG MEMPELAJARI MATA PELAJARAN SHA'RIAH DAN USULUDDIN.

11. DENGAN DEMIKIAN, PENGAJIAN TERSEBUT *bukan sahaja* DAPAT DI-AMBIL OLEH PENUNTUT2 SEKOLAH UGAMA DAN KOLEJ ISLAM, BAHKAN JUGA OLEH PENUNTUT2 DARIPADA

SEKOLAH2 MENENGAH KEBANGSAAN DAN JENIS KEBANGSAAN. KEMENTERIAN TELAH ~~BERSETUJU~~ MEMUTUSKAN BAHAWA PADA TAHUN 1973, SEBANYAK 68 BUAH SEKOLAH MENENGAH AKAN MENGADAKAN TINGKATAN VI ALIRAN SASTRA, IA-ITU 47 BUAH SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS) DAN 21 BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN, TERMASOK 9 BUAH SEKOLAH MENENGAH YANG BERASRAMA PENOH. PELAJARAN UGAMA, SAPERTI SHA'RIAH DAN USULUDDIN, AKAN DI-ADAKAN DI-MANA YANG MUNGKIN BAGI PELAJAR2 DI-TINGKATAN INI YANG HENDAK MEMPELAJARI-NYA DAN MENGAMBIL PEPEREKSAAN MATA PELAJARAN-NYA. INI BERMAKNA, BAHAWA PENGAJIAN UGAMA ISLAM SEMAKIN MENDAPAT TEMPAT DI-SEKOLAH2 MENENGAH BANTUAN KERAJAAN, DAN DI-LUASKAN PENGAJIAN-NYA SAHINGGA MELIPUTI PERINGKAT SIJIL PERSEKOLAHAN TINGGI.

12. PADA MASA YANG LALU, PELAJAR2 ISLAM YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN TINGGI UGAMA, TERPAKSA PERGI KA-LUAR NEGERI, TETAPI PADA MASA SEKARANG, MEREKA DAPAT MELANJUTKAN PELAJARAN TINGGI TERSEBUT DALAM NEGERI SENDIRI, IA-ITU KAFAKULTI ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN. FAKULTI INI, MENYEDIAKAN KURSUS2 PENGAJIAN ISLAM DAN BAHASA ARAB, SATARAF DENGAN UNIVERSITI2 ISLAM LUAR NEGERI, SAPERTI UNIVERSITI AZHAR, DAN DISAMPING ITU, DAPAT MENYESUAIKAN DENGAN KEPERLUAN2 DALAM NEGERI KITA SENDIRI. PERKEMBANGAN FAKULTI INI, BERGANTONG KAPADA PEREDARAN MASA DAN MESTI-LAH SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN MASHARAKAT DAN NEGARA.

\* *Pembahasan.*

15. ~~15.~~ SAYA SUKA MEMBERI JAMINAN KAPADA TUAN2 DAN KAPADA RAAYAT NEGERI INI, BAHAWA SELAGI SAYA BERTANGGONG JAWAB MENGENAI PELAJARAN, SAYA AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA SAYA, UNTUK MEMAJUKAN

PELAJARAN UGAMA ISLAM, SAMA SAMPUNYAH USAHA SAYA  
MEMAJUKAN PELAJARAN YANG LAIN, SESUAI DENGAN  
KEHENDAK2 PERLEMBAGAAN NEGARA DAN UNDANG2  
PELAJARAN. TIDAK ADA APA UNTONG-NYA BAGI  
SA-SAORANG ISLAM SAMPUNYAH SAYA, UNTUK MEMBEZA2KAN  
ANTARA PELAJARAN UGAMA ISLAM DENGAN PELAJARAN2  
YANG LAIN, DAN DI-ANTARA SA-GULONGAN PELAJAR2  
YANG TERTENTU DENGAN SA-GULONGAN PELAJAR YANG  
LAIN, BAHKAN LEBEH MENGUNTONGKAN BAGI SAYA DAN  
NEGARA, UNTUK MENYATU-PADUKAN SEMUA PELAJARAN2,  
SEMUA PELAJAR2 DAN SEMUA GURU2, DI-BAWAH SATU  
SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN YANG DI-KEHENDAKI,  
MENGIKUT PENYATA RAZAK DAN ABDUL RAHMAN TALIB.

16. ~~11~~. <sup>dan saya -</sup> ATAS DASA SEKIAN-LAH, DENGAN SUKACHITA-NYA ~~SAYA~~  
<sup>persembahkan ini.</sup> MERASMIKAN, KURSUS, ~~DALAM PERKHIDMATAN GURU2 UGAMA~~  
~~BAGI GURU2 YANG BERIJAZAH UNIVERSITI ISLAM.~~

\*

13. DI-SINI SAYA SUKA MENGAMBIL PELUANG  
MENYENTOH SHOR DARIPADA SATENGAH2 PEHAK, YANG  
MENDESAK SUPAYA KEMENTERIAN PELAJARAN MEWAJIBKAN  
JUGA PELAJARAN UGAMA ISLAM KAPADA MURID2 YANG  
BUKAN BERUGAMA ISLAM DENGAN ALASAN UNTOK MEN-  
JALINKAN PERASAAN MUHIBBAH. SHOR INI ADA-LAH  
IDEAL TETAPI TIDAK PRAKTIKAL KERANA BERLAWANAN  
DENGAN PERLEMBAGAAN NEGARA YANG TIDAK BOLEH  
MEMAKSA ORANG YANG BUKAN ISLAM MEMPELAJARI UGAMA  
ISLAM DAN SAYA PERCHAYA INI JUGA BERLAWANAN DENGAN  
AJARAN QURAN SAPERTI FIRMAN TUHAN "LA IKRAHA  
FIDDIN" YANG BERMAKSUD TIDAK ADA PAKSAAN DALAM  
UGAMA. SATU PERKARA LAGI YANG INGIN SAYA SENTOHKAN  
DI-SINI IA-ITU TERHADAP KECHAMAN SATENGAH2 PEHAK  
DI-ATAS DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN TERHADAP  
PELAJARAN UGAMA ISLAM. MEREKA MENGHENDAKI BAHAWA  
SEMUA PELAJAR2 DI-SEKOLAH MENENGAH BANTUAN KERAJAAN,  
KEBANGSAAN ATAU JENIS KEBANGSAAN, DAPAT MELANJUTKAN  
PELAJARAN KA-FAKULTI ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN.

SABENAR-NYA PELAJAR2 ISLAM MENDAPAT SAPENOH2 PELUANG UNTOK MEMILEH KURSUS PELAJARAN YANG DI-SUKAI-NYA, TETAPI PELUANG2 ITU HENDAK-LAH MENGIKUT SALORAN2-NYA YANG DI-TENTUKAN BAGI-NYA, PELAJAR2 YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN KA-FAKULTI PERUBATAN HENDAK-LAH MELALUI ALIRAN SAIN, PELAJAR2 YANG INGIN MELANJUT PENGAJIAN KA-FAKULTI SASTERA HENDAK LAH MELALUI ALIRAN SASTERA, BEGITU JUGA YANG INGIN MENDALAMKAN PENGAJIAN UGAMA KA-FAKULTI ISLAM, HENDAK-LAH MELALUI ALIRAN UGAMA. SEGALA ALIRAN2 INI, TELAH DI-SEDIAKAN OLEH KEMENTERIAN INI. LAGI PULA, TUAN2 SEDIA MAALUM, MELANJUTKAN PELAJARAN SECHARA KHUSUS SPECIALIZATION WALAU PUN DALAM MATA PELAJARAN UGAMA ISLAM BUKAN LAH WAJIB FARDHUAIN DI-ATAS TIAP ORANG ISLAM BAHKAN MEMADAI BAGI SA-GULONGAN ORANG ISLAM SAHAJA.

14. JADI PELAJAR2 ISLAM YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN KA-FAKULTI ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN MEREKA BOLEH MEMILEH DENGAN MEMASOKI KOLEJ ISLAM KELANG ATAU SEKOLAH2 MENENGAH UGAMA YANG BAKAL DI-SERAHKAN OLEH PEHAK BERKUASA KERAJAAN2 NEGERI KAPADA KEMENTERIAN PELAJARAN KERANA SALAH SATU KURSUS YANG PENTING DI-FAKULTI TERSEBUT IA-LAH KURSUS BAHASA ARAB SEDANGKAN KURSUS BAHASA ARAB INI TIDAK ADA DI-SEDIAKAN DI-SEKOLAH2 MENENGAH BANTUAN KERAJAAN TETAPI ADA DI-SEDIAKAN DI-KOLEJ ISLAM DAN SEKOLAH2 UGAMA. KITA TIDAK DAPAT MENYEDIAKAN KURSUS BAHASA ARAB DI-SEKOLAH2 MENENGAH KEBANGSAAN DAN JENIS KEBANGSAAN MEMANDANGKAN BAHAWA KURSUS TERSEBUT AKAN MENYEBABKAN BEBANAN YANG TIDAK PATUT KAPADA MURID2 SEKOLAH ITU SEDANGKAN KURSUS BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS YANG ADA SEKARANG INI PUN TIDAK DAPAT BENAR2 DI-KUASAI OLEH MEREKA

TAMBAHAN PULA DI-MASOKAN LAGI MATA PELAJARAN  
BAHASA ARAB YANG SA-MEMANG-NYA TUAN2 TAHU  
SANGAT-LAH BERAT.



No. Sijil .....
No. Pendaftaran .....

TAMBAHAN PULA DI-MASOKAN LAGI MATA PELAJARAN  
BAHASA ARAB YANG SA-MEMANG-NYA TUANG TAHU  
SANGAT-LAH BERAT.



No. Siri ..... 121  
No. Penerimaan ..... 121/80